


Anugerah Kualiti ITM



Garis Panduan Pencalonan 1996

Penyediaan

Deraf 1 : 20. 1. 1996 (Disediakan Oleh Lembaga Penasihat CTQE)
Deraf 2 : 24. 1. 1996 (Disemak Oleh Lembaga Penasihat CTQE)
Deraf 3 : 26. 1. 1996 (Disemak Oleh Ketua CTQE)
Deraf 4 : 31. 1. 1996 (Disemak Oleh Jabatan ITM)

Anugerah Kualiti ITM

**Garis Panduan Pencalonan
1996**

Kata Auan

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ



P

engiktirafan dalam gerakan kualiti menyeluruh adalah satu agenda penting. Yang dihargai ialah warga; yang menang ialah organisasi -- I.T.M. yang kita cintai.

T

ahniah dan syabas kepada ahli Lembaga Penasihat CTQE kerana menyediakan Garis Panduan Pencalonan 1996.

B

ersama mendokong POLISI kualiti kita -- "KUALITI MENYELURUH BUDAYA I.T.M." -- saya yang ikhlas

.....

Dato' Ir Hj Ahmad Zaldee Laidin
Pengarah
28 Februari 1996

Memanfaatkan dokumen ini

Tujuan disediakan dokumen ini bukan untuk pencalonan memenangi anugerah semata-mata. Dengan mengkaji dan mengamalkan kriteria semua kategori, secara tidak langsung kita turut meluaskan amalan budaya kualiti; sesungguhnya, dokumen ini adalah juga panduan cara mengamalkan budaya kualiti. Dengan mengamati kriteria yang digariskan, kita tahu apa yang perlu dilakukan.

Semoga ia berfungsi lebih dari tujuan memenangi anugerah; Sesungguhnya, anugerah adalah hasil sampingan bukan niat dan tujuan utama.

Nota : Bagi kategori Anugerah Kualiti Akademik ITM, kami menggunakan Malcolm Baldrige National Quality Award. Education Pilot Criteria 1995, bahagian Educational and Business Process Management. Buat permulaan ini, versi bahasa Inggeris digunakan.

Ketua CTQE
15 Februari 1996

Kandungan	Halaman
1. Pendahuluan	3
2. Tujuan	3
2.1 Anugerah Kualiti Peringkat Kebangsaan	3
2.2 Anugerah Kualiti Peringkat ITM	3
3. Anugerah Kualiti Peringkat Kebangsaan	3
3.1 Anugerah yang diperkenalkan	3
3.2 Garis Panduan Pencalonan	4
3.3 Peranan Jabatan ITM	4
4. Anugerah Kualiti Peringkat ITM	4
4.1 Jenis Anugerah	4
4.2 Sijil Penghargaan Khas	4
4.3 Kriteria Pemilihan	5
4.4 Kelayakan	5
4.5 Tatacara Permohonan	5
4.6 Penyediaan Laporan	5
4.7 Jadual Pelaksanaan	5
4.8 Proses Penghakiman	6
4.9 Bentuk Hadiah	6
4.10 Keputusan Hakim	6
5. Pertanyaan	6
 LAMPIRAN	
Lampiran A	7
1.0 Anugerah Kualiti ITM	8
2.0 Anugerah Pengurusan Sumber Manusia	17
3.0 Anugerah Pengurusan Kewangan	20
4.0 Anugerah Pengurusan Projek Khas	24
5.0 Anugerah Pengurusan Kaunter	26
6.0 Anugerah Pengurusan Teknologi Maklumat	31
7.0 Anugerah Pengurusan Fail	35
8.0 Anugerah Pengukuran	38
9.0 Anugerah Piagam Pelanggan Terbaik	41
10.0 Anugerah Kegiatan Kumpulan Q Yang Cemerlang (Kumpulan Q/KMK)	43
11.0 Anugerah Kualiti Akademik	45
12.0 Anugerah Kolej Cemerlang	51
Lampiran B Borang Pencalonan	53
Lampiran C Panduan Menyediakan Laporan Pencalonan	54
Lampiran D Struktur Panel Penilai	55

1.0 Pendahuluan

Jawatankuasa Induk Kualiti ITM (JIK) dalam mesyuaratnya bertarikh 21 Disember 1995 telah mengenalpasti anugerah yang boleh disertai di peringkat kebangsaan. Di samping itu JIK juga telah mengenalpasti jenis anugerah yang boleh diperkenalkan di peringkat dalaman.

2.0 Tujuan

2.1 Anugerah Kualiti Peringkat Kebangsaan

Anugerah ini bertujuan untuk mendapatkan pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan seterusnya sebagai pendorong kepada warga ITM supaya melipatgandakan usaha ke arah kecemerlangan.

2.2 Anugerah Kualiti Peringkat ITM

Anugerah ini diperkenalkan untuk menghargai dan mengiktiraf Jabatan yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam berbagai bidang yang ditetapkan. Dengan adanya usaha ini Kajian, kampus cawangan, Bahagian, Pusat dan Unit (*selepas ini disebut Jabatan*) sama ada secara langsung ataupun tidak akan didorong untuk menghasilkan perkhidmatan yang lebih berkualiti selaras dengan Gerakan Pengurusan Berkualiti Menyeluruh ITM. Penganugerahan di peringkat dalaman juga akan membantu ITM untuk mencalonkan diri memenangi anugerah di peringkat kebangsaan.

3.0 Anugerah Kualiti Peringkat Kebangsaan

3.1 Anugerah yang diperkenalkan

ITM boleh menyertai pertandingan bagi anugerah berikut:

3.1.1 Anugerah Kualiti Perdana Menteri
Pencalonan oleh CTQE

3.1.2 Anugerah Khas Perkhidmatan Awam
Kategori yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- a) Pengurusan Sumber Manusia
- b) Pengurusan Kewangan
- c) Pengurusan Projek
- d) Pengurusan Kaunter
- e) Pengurusan Teknologi Maklumat
- f) Pengurusan Fail
- g) Pengukuran Bagi Agensi Kerajaan

Jabatan boleh membuat pencalonan sendiri bagi bertanding untuk anugerah seperti yang dinyatakan di atas. Bagaimana pun CTQE perlulah diberitahu untuk tujuan penyelarasan.

3.1.3 Anugerah Piagam Pelanggan
Pencalonan oleh CTQE

- 3.1.4 Kampus cawangan juga digalakkan menyertai anugerah kualiti yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri (*sekiranya ada*).

3.2 *Garis Panduan Pencalonan*

Garis panduan biasanya diedarkan oleh pihak MAMPU. Pelawaan dibuat sekitar bulan Januari - Mac (berdasarkan pengalaman tahun 1995). Jabatan ITM yang berminat boleh mendapatkan contoh garis panduan daripada CTQE.

3.3 *Peranan Jabatan ITM*

Untuk membantu CTQE dalam usaha menyertai anugerah di peringkat kebangsaan, Jabatan adalah diminta:

- 3.3.1 Mengemukakan sebarang dokumen berkaitan dengan gerakan kualiti kepada CTQE;
- 3.3.2 Mengetahui kriteria yang ditetapkan di dalam sesuatu anugerah yang dipertandingkan di peringkat kebangsaan;
- 3.3.3 Memastikan setiap kriteria bagi anugerah yang dipertandingkan dilaksanakan di peringkat Jabatan;
- 3.3.4 Bersedia apabila dilawati oleh panel penilai bagi kategori yang dipertandingkan;
- 3.3.5 Memastikan setiap kakitangan mengetahui anugerah yang akan ditandingi dan mempersiapkan diri ke arah tersebut.
- 3.3.6 Memastikan setiap kakitangan mengetahui tanggungjawab dan memainkan peranan masing-masing.

4.0 *Anugerah Kualiti Peringkat ITM*

4.1 *Jenis Anugerah*

Jenis anugerah yang diperkenalkan bermula tahun 1996 ialah:

- 4.1.1 Anugerah Kualiti ITM
- 4.1.2 Anugerah Pengurusan Sumber Manusia
- 4.1.3 Anugerah Pengurusan Kewangan
- 4.1.4 Anugerah Pengurusan Projek Khas
- 4.1.5 Anugerah Pengurusan Kaunter
- 4.1.6 Anugerah Pengurusan Teknologi Maklumat
- 4.1.7 Anugerah Pengurusan Fail
- 4.1.8 Anugerah Pengukuran
- 4.1.9 Anugerah Piagam Pelanggan
- 4.1.10 Anugerah Kegiatan Kumpulan Q Yang Cemerlang (Kumpulan Q/KMK)
- 4.1.11 Anugerah Kualiti Akademik
- 4.1.12 Anugerah Kolej Cemerlang

4.2 *Sijil Penghargaan Khas*

Sijil ini diberi bukan berdasarkan pencalonan yang formal. Ia dibuat berdasarkan hanya pemerhatian berterusan warga ITM secara keseluruhan.

Walau bagaimanapun, keputusan muktamad ditentukan oleh Lembaga Penasihat CTQE.

Contoh Sijil Penghargaan ini ialah :

- 4.2.1 Individu - Kemesraan melayan pelanggan
- 4.2.2 Kumpulan- Pelaksanaan 5 S
- 4.2.3 Jabatan- Penambahbaikan berterusan

4.3 Kriteria Pemilihan

Kriteria pemilihan bagi kategori-kategori yang diperkenalkan adalah seperti Lampiran A.

4.4 Kelayakan

Semua Jabatan ITM layak dicalonkan kecuali dinyatakan. Bagaimanapun, gabungan di antara beberapa Jabatan tidak dibenarkan.

4.5 Tatacara Pencalonan

- 4.5.1 Pencalonan terus dari Ketua Jabatan yang berminat
- 4.5.2 Pencalonan dari kakitangan Jabatan itu sendiri
- 4.5.3 Pencalonan dari kakitangan/Ketua/kakitangan dari luar Jabatan
- 4.4.4 Pencalonan dari pelanggan

Permohonan hendaklah dibuat melalui borang yang disediakan. *Sila lihat lampiran B.* Salinan fotokopi borang dibenarkan. Borang tersebut perlulah dilengkapi dan dihantar kepada CTQE mengikut tarikh yang ditetapkan. **TIADA BAYARAN DIKENAKAN.**

4.6 Penyediaan Laporan


Jabatan yang dicalonkan mesti menyediakan satu salinan laporan yang memberi penerangan mengenai usaha-usaha peningkatan yang dilaksanakan berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Sebaik-baiknya disertakan juga gambar-gambar dan bukti ciri-ciri kecemerlangan. Panduan penyediaan laporan adalah seperti di Lampiran C.

4.7 Jadual Pelaksanaan

- 4.7.1 Pelawaan untuk pencalonan *Jan - Mac*
- 4.7.2 Tarikh tutup pencalonan *April*
- 4.7.3 Tapisan dan *short-listing* oleh Urusetia *April - Mei*
- 4.7.4 Senarai calon dirujuk kepada Panel Hakim *Mei*
- 4.7.5 Lawatan dan penilaian *Mei - Jun*
- 4.7.6 Pertimbangan dan keputusan *Julai*
- 4.7.7 Pendokumentasian pemenang *Ogos*
- 4.7.8 Pengumuman dan pemberian anugerah *Oktober*

4.8 Proses Penghakiman

CTQE akan bertindak sebagai Urusetia bagi semua anugerah ITM. Struktur penghakiman adalah seperti Lampiran D. Proses penghakiman adalah seperti berikut:



Catatan: * Panel Hakim diminta membuat pembahagian markah

4.9 Bentuk Hadiah

Setiap pemenang anugerah kualiti berbagai kategori akan menerima wang tunai RM5,000, sebuah trofi dan sijil.

Bagi kategori Sijil Penghargaan Khas, penerima akan dijemput ke upacara Hari Q ITM untuk mengambil sijil.

4.10 Keputusan Hakim

Keputusan Panel Hakim adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayani.

5.0 Pertanyaan

Sila berhubung dengan CTQE untuk keterangan lanjut.



Alamat :
Ketua CTQE,
Pejabat Pengarah
ITM, 40450, Shah Alam

Telefon : 5564966
Fax: 5500226

LAMPIRAN A

1.0 ANUGERAH KUALITI ITM

1.1 Tujuan

Anugerah ini merupakan anugerah tertinggi peringkat ITM yang diberikan kepada Jabatan yang telah menunjukkan prestasi yang tinggi berdasarkan kriteria kecemerlangan sebagaimana yang ditetapkan.

1.2 Kelayakan

Semua Jabatan ITM layak bertanding.

1.3 Pengecualian

Tidak ada pengecualian dalam semua kriteria yang ditetapkan

1.4 Kriteria Pemilihan

Pemilihan pemenang anugerah ini akan dibuat berdasarkan kepada lapan kriteria seperti berikut:

- 1.4.1 Kepimpinan dalam pengurusan kualiti;
- 1.4.2 Penggunaan maklumat dan analisis dalam usaha-usaha kualiti;
- 1.4.3 Proses perancangan strategik;
- 1.4.4 Pengurusan sumber tenaga manusia;
- 1.4.5 Kepastian kualiti output;
- 1.4.6 Kejayaan daripada usaha-usaha kualiti;
- 1.4.7 Kepuasan hati pelanggan;
- 1.4.8 Inovasi-inovasi penting;

KRITERIA PERTAMA : KEPIMPINAN DALAM PENGURUSAN KUALITI

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Sokongan Pengurusan
 - i. Penglibatan pengurusan dalam aktiviti berikut:
 - Perancangan strategik
 - Pengkajian semula pelan kualiti serta kemajuannya
 - Penubuhan struktur bagi pengurusan kualiti
 - Pendidikan dan latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran
 - Pengiktirafan pekerja
 - Pembangunan daya kreatif pekerja
 - ii. Penggubalan dan penyebaran dasar kualiti ITM kepada semua warga;

- iii. Tindakan yang telah diambil untuk memperkukuhkan kepuasan hati pelanggan yang mana merupakan matlamat akhir jabatan;
 - iv. Mekanisme yang diwujudkan oleh pihak pengurusan untuk memudahkan perhubungan antara pihak pengurusan dengan pelanggan, pembekal dan pekerja; dan
 - v. Cara-cara yang digunakan oleh pihak pengurusan untuk menyebarkan maklumat tentang kecemerlangan kualiti Jabatan.
- b) Nilai-Nilai Kualiti
- i. Nilai-nilai kualiti yang diutamakan oleh Jabatan; dan
 - ii. Dokumen-dokumen yang menjelaskan nilai-nilai tersebut seperti dokumen dasar kualiti, ucapan, peraturan dan lain-lain lagi.
- c) Sistem Pengurusan
- i. Objektif-objektif yang jelas bagi memenuhi kehendak kehendak pelanggan;
 - ii. Penentuan peranan, tanggungjawab dan penglibatan;
 - iii. Peruntukan sumber untuk mewujudkan kesedaran tentang kualiti di kalangan pekerja dan juga untuk usaha-usaha peningkatan kualiti;
 - iv. Sistem pengesanan untuk mengesan dan menilai pelaksanaan program dan projek yang telah ditentukan;
 - v. Jenis tindakan yang diambil untuk membantu bahagian, unit yang tidak mencapai tahap kualiti yang ditetapkan;
 - vi. Cara-cara yang digunakan untuk memperkukuhkan pengalaman nilai-nilai kualiti di kalangan pekerja seperti pengiktirafan dan lain-lain; dan
 - vii. Cara-cara yang digunakan untuk mengeratkan perhubungan di antara bahagian, unit, dan individu di dalam Jabatan. Cara-cara tersebut adalah seperti mesyuarat, *retreats*, pasukan petugas, nota ucapan terima kasih dan sebagainya.
- d) Tanggungjawab Awam
- i. Penyiapan projek mengikut jadual;
 - ii. Peruntukan dibelanjakan mengikut tujuan yang ditentukan;
 - iii. Arah aliran bilangan pertanyaan audit;
 - iv. Kemajuan tindakan ke atas pertanyaan audit;

- v. Arah aliran bilangan aduan dari orang ramai;
- vi. Pembabitan kakitangan anggota-anggota organisasi dalam kegiatan rasuah;
- vii. Kesan aktiviti organisasi terhadap masyarakat dari segi kesihatan, keselamatan dan persekitaran;
- viii. Penyimpanan rekod yang kemas bagi setiap transaksi khususnya dalam bidang pengurusan kewangan, harta benda dan lain-lain; dan
- ix. Pengurusan yang sempurna bagi harta modal, inventori dan bekalan pejabat seperti penggunaan borang-borang yang telah ditetapkan.

**KRITERIA KEDUA : PENGGUNAAN MAKLUMAT DAN ANALISIS
DALAM USAHA-USAHA KUALITI**

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Skop Data dan Maklumat
 - i. Skop data yang ada seperti data mengenai piagam pelanggan, pembekal, pekerja dan sebagainya;
 - ii. Jenis data yang disimpan di bawah setiap skop data di (i); dan
 - iii. Cara-cara yang digunakan untuk menentukan skop dan jenis data dalam sistem-sistem maklumat. Misalnya melalui jawatankuasa, mesyuarat dan lain-lain.

- b) Pengurusan Data
 - i. Langkah-langkah untuk menentukan kesahihan data seperti tapisan data secara manual atau komputer dan sebagainya;
 - ii. Langkah-langkah untuk mengemaskinikan data secara berterusan. Misalnya melalui peraturan-peraturan untuk memastikan aliran data yang tepat dan cepat;
 - iii. Data yang digunakan adalah konsisten dan seragam bagi seluruh agensi; dan
 - iv. Data dapat diperolehi pada bila-bila masa.

- c) Penganalisan dan Penggunaan Data
 - i. Penjelasan berdasarkan data yang ada tentang:
 - peluang-peluang yang telah dikenalpasti oleh agensi bagi meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan
 - Masalah-masalah yang telah dikenalpasti

- ii. Tindakan-tindakan pembetulan yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah; dan
- iii. Kaedah-kaedah yang digunakan dalam penganalisan data.

KRITERIA KETIGA : PROSES PERANCANGAN STRATEGIK

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Penganalisan tentang:
 - i. Perubahan dalam persekitaran dan kesannya terhadap Jabatan
 - ii. Kekuatan agensi
 - iii. Kelemahan agensi
- b) Kajian semula objektif umum;
- c) Penggubalan objektif yang bertujuan memuaskan hati pelanggan;
- d) Pemilihan strategi bagi mencapai objektif;
- e) Penentuan program agensi;
- f) Pemilihan projek mengikut keutamaan;
- g) Peruntukan sumber bagi projek yang dirancang; dan
- h) Dokumentasi hasil perancangan.

KRITERIA KEEMPAT : PENGURUSAN SUMBER TENAGA MANUSIA

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Pengurusan
 - i. Plan pembangunan dan penggunaan tenaga manusia;
 - ii. Kajian semula pelan pembangunan dan penggunaan sumber tenaga manusia; dan
 - iii. Strategi utama bagi meningkatkan keberkesanan dan produktiviti sumber tenaga manusia.
- b) Penglibatan Pekerja
 - i. Sistem-sistem untuk memudahkan pekerja memaklumkan masalah atau cadangan kepada pihak pengurusan;
 - ii. Cara-cara pekerja diberi maklum balas tentang tindakan-tindakan yang telah diambil ke atas masalah / cadangan yang diterima;
 - iii. Penubuhan pasukan-pasukan kerja di peringkat pengurusan dan kumpulan meningkat mutu kerja untuk peningkatan kualiti;
 - iv. Arahaliran penilaian penglibatan pekerja bagi tempoh dua tahun yang lepas:
 - Bilangan cadangan yang diterima;
 - Bilangan cadangan yang dilaksanakan;

- Bilangan pekerja yang memberi cadangan;
 - Bilangan pasukan kerja yang ditubuhkan dan bilangan pegawai yang menyertainya;
 - Bilangan mesyuarat yang diadakan oleh pasukan kerja; dan
 - Bilangan mesyuarat yang diadakan oleh kumpulan mutu kerja.
- v. Cara-cara yang digunakan untuk menentukan keberkesanan dan faedah penglibatan pekerja.

c) Latihan dan Pengiktirafan

- i. Analisis keperluan latihan;
- ii. Pelan yang menunjukkan program-program latihan untuk pekerja;
- iii. Kesesuaian pelan latihan dengan keperluan dan keutamaan Jabatan;
- iv. jenis program latihan yang telah dilaksanakan dan bilangan pekerja yang telah menghadirinya;
- v. Cara penilaian keberkesanan program latihan; dan
- vi. Penempatan pekerja mengikut kepakaran dan latihan.

d) Pengiktirafan Pekerja

- i. Pengiktirafan yang diberi seperti sijil khidmat cemerlang, pujian dan sebagainya;
- ii. Bilangan pekerja dan bilangan pasukan yang telah diberi pengiktirafan; dan
- iii. Cara penilaian ke atas keberkesanan pengiktirafan yang diberi.

e) Kualiti Suasana di Tempat Bekerja

- i. Penganalisan masalah-masalah kesihatan dan keselamatan yang dihadapi oleh pekerja semasa menjalankan tugas dan tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengatasinya;
- ii. Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan sumbangan pekerja kepada Jabatan. Contohnya program kecergasan, aktiviti sukan dan sebagainya;
- iii. Mobiliti pekerja dan pemberian latihan semula kepada pekerja-pekerja yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran baru;
- iv. Perkaunselan untuk pekerja;

- v. Cara-cara yang digunakan dalam menentukan tahap kepuasan hati pekerja; dan
- vi. Kebersihan kawasan bekerja.

KRITERIA KELIMA: KEPASTIAN KUALITI OUTPUT

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Kualiti Output
 - i. Pengenalpastian pelanggan jabatan;
 - ii. Pengenalpastian kehendak-kehendak pelanggan;
 - iii. Penentuan ciri-ciri output yang memenuhi kehendak pelanggan. Contoh ciri-ciri ini termasuklah kebolehpercayaan, keselamatan, ketahanan, kesopanan, ketepatan masa dan lain-lain lagi; dan
 - iv. Penentuan standard-standard kualiti output berdasarkan ciri-ciri yang telah ditentukan. Contohnya, bagi ciri ketepatan masa, standard kualiti perkhidmatan kepada pelanggan adalah dalam tempoh 15 minit.

- b) Kualiti Proses
 - i. Penentuan langkah-langkah dalam proses penghasilan output;
 - ii. Penyediaan carta aliran kerja yang menunjukkan langkah-langkah yang terlibat dalam proses penghasilan output;
 - iii. Penentuan standard-standard kualiti bagi setiap langkah dalam proses penghasilan output; dan
 - iv. Cara-cara kawalan yang digunakan untuk menjamin kualiti output.

- c) Ukuran Kualiti Output
 - i. Pencapaian standard-standard output yang telah ditentukan; dan
 - ii. Pencapaian standard-standard yang telah ditentukan bagi setiap langkah dalam proses penghasilan output.

- d) Audit Kualiti
 - i. Penilaian sama ada rancangan dan prosidur-prosidur yang telah ditetapkan untuk memastikan standard-standard kualiti itu diikuti dan berupaya menghasilkan output yang berkualiti;
 - ii. Kekerapan pengauditan;

- iii. Pihak yang menjalankan pengauditan sama ada oleh Jabatan itu sendiri atau Jabatan lain; dan
 - iv. Penggunaan penemuan-penemuan audit dalam usaha peningkatan kualiti.
- e) **Kepastian Kualiti Pembekalan Input**
- Cara-cara digunakan untuk memastikan kualiti input yang dibekalkan oleh agensi lain. Contoh cara-cara tersebut adalah seperti dialog, mesyuarat dengan pembekal, pemeriksaan bekalan yang diterima dan lain-lain.
- f) **Dokumentasi**
- i. Dokumen-dokumen yang menyokong sistem kepastian kualiti. Misalnya panduan kualiti, manual prosidur kerja, fail meja dan lain-lain lagi;
 - ii. Kekekapan mengemaskinikan dokumen-dokumen di (i); dan
 - iii. Penyeragaman amalan operasi bagi tugas-tugas yang sama.

KRITERIA KEENAM : KEJAYAAN DARIPADA USAHA-USAHA KUALITI

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) **Kualiti Output**
- i. Peningkatan kualiti output Jabatan yang diukur dari segi:
 - pengurangan kos operasi
 - peningkatan bilangan output
 - penjimatan masa menjalankan sesuatu tugas
 - peningkatan tahap kepuasan hati pelanggan
- b) **Projek Peningkatan Kualiti**
- i. Bilangan projek yang dilaksanakan; dan
 - ii. Penerangan bagi setiap projek meliputi
 - tujuan projek
 - jumlah input yang digunakan seperti kakitangan, kewangan, peralatan dan sebagainya
 - strategi-strategi yang telah digunakan
 - hasil dan kesan projek berkenaan

bagaimana amalan-amalan yang digunakan dalam projek peningkatan kualiti berkenaan diperluas kepada seluruh Jabatan

- c) Pengiktirafan Pelanggan
 - i. Anugerah-anugerah dan surat-surat pujian khas yang diterima; dan
 - ii. Surat penghargaan daripada orang perseorangan.

KRITERIA KETUJUH : KEPUASAN HATI PELANGGAN

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Pengetahuan Keperluan dan Ekspektasi Pelanggan
 - i. Cara-cara yang digunakan untuk mengenalpasti kehendak-kehendak semasa pelanggan dan meramalkan perubahan-perubahan yang mungkin berlaku pada masa hadapan. Cara-cara tersebut adalah seperti panel perunding, dialog, perbincangan dan sebagainya; dan
 - ii. Kekerapan cara-cara tersebut digunakan.
- b) Perhubungan dengan Pelanggan
 - i. Kemudahan perhubungan dengan pelanggan seperti panel perunding, sesi dialog, *hotline* dan sebagainya;
 - ii. Cara-cara pengesanan keperluan pelanggan tentang output Jabatan. Cara-cara tersebut adalah seperti penganalisan keratan akhbar tentang aduan dan pujian, kajian tanggapan pengguna, laporan Biro Pengaduan Awam dan lain-lain;
 - iii. Bagi Jabatan yang memberi perkhidmatan kaunter, nyatakan:
 - Waktu kaunter dibuka
 - Masa purata seseorang pelanggan menunggu
 - Peralatan yang disediakan
 - iv. Lokasi pejabat yang mudah dikunjungi;
 - v. Kemudahan yang disediakan untuk pelanggan; dan
 - vi. Langkah-langkah untuk memastikan pelanggan mendapat layanan yang mesra dan bersopan.
- c) Pengukuran Tahap Kepuasan
 - i. Pemilihan petunjuk-petunjuk yang menggambarkan tahap kepuasan hati pelanggan. Contohnya bilangan pujian dan lain-lain;

- ii. Kaedah-kaedah yang digunakan seperti kajiselidik terhadap pelanggan, pengesanan aduan/pujian dalam akhbar dan sebagainya; dan
- iii. Kekerapan kaedah-kaedah di (ii) digunakan.

KRITERIA KELAPAN : INOVASI - INOVASI PENTING

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Senarai inovasi-inovasi penting yang dilaksanakan; dan
- b) Faedah yang diperolehi daripada inovasi berkenaan dari segi:
 - i. Penjimatan kos operasi
 - ii. Penjimatan masa
 - iii. Peningkatan hasil kerja
 - iv. Peningkatan tahap kepuasan pelanggan.

2.0 ANUGERAH PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

2.1 Tujuan

Anugerah ini diberikan kepada Jabatan yang telah memberi keutamaan kepada pembangunan dan penggunaan sumber manusia bagi memenuhi keperluannya.

2.2 Kelayakan

Semua Jabatan ITM layak dicalonkan kecuali Pejabat Pendaftar ITM Shah Alam.

2.3 Pengecualian

Tidak ada pengecualian dalam kriteria yang telah ditetapkan.

2.4 Kriteria Pemilihan

Pemilihan pemenang anugerah ini akan dibuat berdasarkan kepada enam perkara seperti berikut:

- 2.4.1 Proses perancangan, pengambilan dan penempatan staf;
- 2.4.2 Perancangan latihan dan kemajuan kerjaya;
- 2.4.3 Program penerapan nilai-nilai murni, amalan etika kerja yang positif dan produktif;
- 2.4.4 Mengadakan program galakan untuk kemajuan staf;
- 2.4.5 Program kebajikan dan memupuk semangat kekitaan; dan
- 2.4.6 Pengukuhan disiplin.

KRITERIA PERTAMA : PROSES PERANCANGAN, PENGAMBILAN DAN PENEMPATAN STAF

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Proses Perancangan, Pengambilan dan Penempatan Staf
 - i. Sistem maklumat/profail personel;
 - ii. Perancangan keperluan personel untuk sesuatu jangka masa tertentu;
 - iii. Perancangan menggantikan personel yang akan bersara;
 - iv. Perancangan pengambilan personel; dan
 - v. Menempatkan personel yang mempunyai kelayakan yang sesuai dengan keperluan jawatan yang disandang.
- b) Dokumentasi Maklumat Perancangan
 - i. Maklumat-maklumat personel didokumentasi/dikomputerisasikan; dan
 - ii. Dokumen / maklumat personel diambilguna untuk perancangan lanjut.

KRITERIA KEDUA: PERANCANGAN LATIHAN DAN KEMAJUAN KERJAYA

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Mengadakan Urusetia/Jawatankuasa Latihan bagi merancang dan menentukan jenis-jenis program latihan dan pendekatan yang diperlukan untuk sesuatu jabatan:
 - i. Orientasi bagi anggota yang baru dilantik dan bertukar;
 - ii. Latihan semula bagi melengkapkan anggota dengan teknik-teknik dan peralatan moden yang diperkenalkan di tempat kerja; dan
 - iii. Seminar dan kursus pendek.
- b) Menentukan jenis dan bilangan kursus yang perlu dihadiri oleh setiap kumpulan staf:
 - i. Kumpulan Pengurusan Atasan;
 - ii. Kumpulan Pengurusan dan Profesional; dan
 - iii. Kumpulan Sokongan.
- c) Mengadakan rancangan untuk mempelbagaikan pengalaman kerjaya.

KRITERIA KETIGA: PROGRAM PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI, AMALAN ETIKA KERJA YANG POSITIF DAN PRODUKTIF

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Program latihan untuk menerapkan nilai-nilai murni yang *universal* dan amalan etika kerja yang positif:
 - i. Latihan Bina Semangat
 - ii. Kursus Biro Tatanegara dan Bina Insan
- b) Penerapan budaya etika kerja organisasi
- c) Program peningkatan kualiti;
 - i. *Total Quality Management*;
 - ii. Aktiviti Kawalan Mutu Kerja; dan
 - iii. Pengukuran produktiviti pekerja.
- d) Program kaunseling staf.

KRITERIA KEEMPAT: MENGADAKAN PROGRAM GALAKAN UNTUK KEMAJUAN STAF

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Mewujudkan Jawatankuasa/Lembaga Penilaian Prestasi;
- b) Mengadakan program penjelasan mengenai aspek-aspek dan kriteria prestasi;
- c) Bentuk saluran maklumbalas penilaian prestasi kepada staf agar mereka dapat memperbaiki kualiti kerja di masa hadapan; dan
- d) Bentuk-bentuk galakan yang diamalkan:
 - i. Pemberian Sijil Khidmat Cemerlang;
 - ii. Anugerah Inovasi Jabatan;
 - iii. Pencalonan untuk mendapatkan bintang-bintang dan pingat-pingat kebesaran; dan
 - iv. Lain-lain bentuk anugerah dan hadiah.

KRITERIA KELIMA: PROGRAM KEBAJIKAN DAN MEMUPUK SEMANGAT KEKITAAN

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Mekanisma perhubungan termasuk yang tidak formal di antara pihak pengurusan dengan staf:
 - i. Perhubungan Jabatan dengan Pegawai-pegawai Pengurusan dan Profesional; dan
 - ii. Perhubungan Jabatan dengan Kumpulan Sokongan.
- b) Aktiviti-aktiviti sukan, sosial, kebajikan, keagamaan, kekeluargaan dan sebagainya untuk menyemai dan memupuk semangat kekitaan; dan
- c) Program riadah untuk menjaga kesihatan staf.

KRITERIA KEENAM: PENGUKUHAN DISIPLIN

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Pewujudan garis panduan mengenai tata tertib dan Panel Penasihat Masalah Tata tertib;
- b) Pewujudan Urusetia/Jawatankuasa Penyiasat;
- c) Bentuk-bentuk tindakan disiplin yang diambil di peringkat Jabatan;
- d) Mekanisma penilaian semula keberkesanan tindakan tata tertib; dan
- e) Menyediakan saluran-saluran di mana pelanggan dapat membuat aduan terhadap mana-mana staf yang kurang sopan, didapati melanggar disiplin, menyeleweng dan sebagainya.

3.0 ANUGERAH PENGURUSAN KEWANGAN

3.1 Tujuan

Anugerah Pengurusan Kewangan ini diberikan kepada sesuatu jabatan yang mempamerkan ciri-ciri kecemerlangan dalam pengurusan kewangan.

3.2 Kelayakan

Semua Jabatan ITM layak dicalonkan kecuali Pejabat Bendahari ITM Shah Alam.

3.3 Pengecualian

Kriteria yang bertanda (*) dikecualikan sekiranya sesuatu Jabatan tersebut tidak mempunyai kriteria tersebut. Pembahagian markah akan disesuaikan.

3.4 Kriteria Pemilihan

Pemilihan pemenang anugerah ini akan dibuat berdasarkan kepada lima kriteria seperti berikut:

- 3.4.1 Sistem belanjawan;
- 3.4.2 Sistem perakaunan;
- 3.4.3 Pengurusan aset dan stor;
- 3.4.4 Sistem pelaporan; dan
- 3.4.5 Inovasi-Inovasi.

KRITERIA PERTAMA: SISTEM BELANJAWAN

1. PROSES PERANCANGAN

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Dokumen-dokumen perancangan strategik jabatan;
- b) Dasar belanjawan jabatan memberi keutamaan kepada aktiviti-aktiviti sejajar dengan dasar Kerajaan; dan
- c) Mekanisma yang digunakan di dalam proses perancangan.

2. PENYEDIAAN BELANJAWAN

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Proses penyediaan belanjawan yang melibatkan semua peringkat pengurusan dalam jabatan;
- b) Mekanisma yang digunakan di dalam penyediaan belanjawan;
- c) Penyediaan belanjawan mematuhi peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa;
- d) Penggubalan petunjuk prestasi bagi program dan aktiviti jabatan;

- e) Penyediaan adalah berasaskan kemajuan prestasi tahun sebelumnya;
- f) Penyediaan jadual dan arahan-arahan untuk penyediaan belanjawan; dan
- g) Penggunaan borang-borang/dokumen-dokumen yang memudahkan penyatuan maklumat di peringkat prestasi pusat dan sebagainya.

KRITERIA KEDUA: SISTEM PERAKAUNAN

***1. KUTIPAN HASIL**

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Perancangan anggaran hasil disediakan;
- b) Perancangan jangka pendek dan jangka panjang dan aktiviti untuk meningkatkan kutipan hasil;
- c) Target dan pencapaian hasil;
- d) Kadar tunggakan hasil;
- e) Sistem pungutan hasil mengikut peraturan yang ditetapkan;
- f) Penyenggaraan akaun hasil yang lengkap dan kemaskini;
- g) Susunan kerja, peralatan dan staf yang membantu kecekapan kerja; dan
- h) Kemudahan-kemudahan fizikal yang disediakan seperti papan tanda, kaunter pertanyaan, kawasan bekerja dan peralatan yang digunakan.

2. KAWALAN PERBELANJAAN

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Peruntukan dibelanjakan mengikut tujuan-tujuan yang ditetapkan;
- b) Peruntukan dibelanjakan mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan;
- c) Perbelanjaan tidak melebihi had peruntukan;
- d) Tiada *shortfall* dalam perbelanjaan sebenar;
- e) Buku *Vot/Lejer* disenggarakan dengan lengkap dan kemaskini;
- f) Baucar pembayaran disokong dengan dokumen yang berkaitan;
- f) Penyenggaraan akaun perbelanjaan yang lengkap dan kemaskini;
- h) Sistem pelaporan perbelanjaan yang lengkap dan kemaskini; dan
- i) Pembahagian tugas yang jelas.

Di bawah kriteria kedua iaitu Sistem Perakaunan perlu ditambah:

- i. Penyediaan Jadual Menepati Akaun Kawalan
- ii. Kenaan kepada kod-kod yang tepat
- iii. Laporan pendahuluan kakitangan termasuk pelarasan
 - pendahuluan perjalanan
 - pendahuluan gaji
 - pendahuluan lain-lain

KRITERIA KETIGA: PENGURUSAN ASET DAN STOR

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Perolehan harta modal, inventori dan bekalan pejabat dibuat mengikut dasar-dasar, peraturan-peraturan dan tatacara kerja semasa;
- *b) Pengurusan harta modal, inventori, bekalan pejabat dan stor yang cekap;
- c) Penyimpanan dan penyenggaraan rekod-rekod kewangan yang sistematik, kemas dan mudah diperolehi:
 - i. Daftar Harta Modal;
 - ii. Daftar Inventori;
 - iii. Daftar Bekalan Pejabat; dan
 - iv. Daftar Pergerakan Harta Modal/Inventori.
- d) Penyenggaraan aset dan stor secara cekap dan ekonomik:
 - i. Penggunaan yang optimum;
 - ii. Kawalan inventori;
 - iii. Penyimpanan yang sesuai;
 - iv. Rekod-rekod yang kemaskini dan sistematik;
 - v. Penyenggaraan stor mengikut peraturan; dan
 - vi. Kawalan stok.
- e) Verifikasi stok jabatan:
 - i. Dokumen; dan
 - ii. Jadual.
- f) Tindakan dan rekod pelupusan stok.

KRITERIA KEEMPAT: SISTEM PELAPORAN

1. SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Mekanisma pelaporan yang digunakan;
- b) Jenis dan kekerapan laporan yang dianalisis dan dikeluarkan;
- c) Cara laporan digunakan untuk:
 - i. Perancangan;
 - ii. Pelaksanaan;
 - iii. Kawalan; dan
 - iv. Penilaian.
- *d) Laporan Audit Dalam dan rekod tindakan susulan.

2. *PELAPORAN KEPADA PIHAK LUAR*

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan mengikut jadual yang ditetapkan;
- b) Tindakbalas dan respon kepada pertanyaan audit secara tepat dan mengikut masa yang munasabah;
- c) Kemajuan pelaksanaan teguran Ketua Audit Negara atau punca lain; dan
- d) Penyampaian penyata penyesuaian perbelanjaan hasil dan Laporan Akaun Belum Terima kepada Jabatan Akauntan Negara atau pihak-pihak lain.

KRITERIA KELIMA: INOVASI-INOVASI

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Senarai inovasi-inovasi yang dilaksanakan; dan
- b) Faedah yang diperolehi dari inovasi berkenaan dari segi:
 - i. Belanjawan;
 - ii. Perakaunan;
 - iii. Pengurusan Aset dan Stor; dan
 - iv. Lain-lain.

4.0 ANUGERAH PENGURUSAN PROJEK KHAS

4.1 Takrif Projek

Kategori ini berlainan daripada Anugerah Peringkat Kebangsaan. Takrif yang digunakan di sini ialah sesuatu aktiviti khas yang dijalankan dalam satu-satu tahun yang dinilai, seperti mengelolakan konferensi/seminar di peringkat antarabangsa/kebangsaan, Hari Keluarga di peringkat ITM, Sukan Antara Kampus dan lain-lain.

4.2 Tujuan

Anugerah Pengurusan Projek Khas diberikan kepada sesuatu Jabatan yang telah menunjukkan kaedah pengurusan yang cemerlang dalam mengendalikan projek-projek khas.

4.3 Kelayakan

Semua jabatan ITM layak dicalonkan.

4.4 Pengecualian

Tidak ada pengecualian dalam semua kriteria yang ditetapkan.

4.5 Kriteria Pemilihan

- 4.5.1 Sistem perancangan projek yang berkesan;
- 4.5.2 Sistem pelaksanaan yang kemas;
- 4.5.3 Sistem pengawasan yang teratur; dan
- 4.5.4 Prestasi dan kejayaan projek.

KRITERIA PERTAMA: SISTEM PERANCANGAN PROJEK YANG BERKESAN

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Sistem perancangan yang disesuaikan dengan struktur organisasi Kementerian/Jabatan Persekutuan atau Negeri seperti dengan mewujudkan sistem perancangan peringkat Ibu Pejabat/Jabatan/Bahagian/Cawangan/Negeri. Senaraikan nama Jawatankuasa terlibat, keahlian dan bidang rujukan; dan
- b) Wujud kepimpinan pengurusan projek dengan penglibatan pengurusan atasan dalam sistem perancangan. Kemukakan satu salinan minit mesyuarat bagi setiap peringkat jawatankuasa yang berkenaan.

KRITERIA KEDUA: SISTEM PELAKSANAAN YANG KEMAS

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Peruntukan projek yang dilaksanakan;
- b) Sistem perhubungan dengan pihak-pihak lain untuk melaksanakan projek;
- c) Penggunaan alat-alat pengurusan projek seperti Carta Aliran Kerja dan Senarai Semak; dan
- d) Kewujudan organisasi khusus untuk menyelaraskan pelaksanaan projek-projek besar.

KRITERIA KETIGA: SISTEM PENGAWASAN YANG TERATUR

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Kewujudan pangkalan data yang menyimpan maklumat lengkap mengenai keseluruhan projek yang dikendalikan;
- b) Terdapat sistem penyaluran maklumat daripada jabatan pelaksana mengenai prestasi pelaksanaan projek dan masalah yang dihadapi;
- c) Penggunaan sistem maklumat seperti SIAP, SETIA atau sistem lain yang dapat menyokong sistem perancangan dan pengawasan pelaksanaan projek;
- d) Penyediaan laporan berkala untuk melaporkan prestasi pelaksanaan bagi membantu pihak pengurusan membuat keputusan;
- e) Kewujudan mekanisme penyelesaian masalah; dan
- f) Penggunaan maklumat-maklumat dan pengalaman semasa untuk membantu melicinkan proses perancangan seterusnya.

KRITERIA KEEMPAT : PRESTASI DAN KEJAYAAN PROJEK

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Faedah projek kepada kumpulan sasaran; dan
- b) Pembaharuan dan pembaikan ke atas sistem pengurusan projek yang telah dilakukan.

5.0 ANUGERAH PENGURUSAN KAUNTER

5.1 Tujuan

Anugerah Pengurusan Kaunter diberikan kepada sesuatu Jabatan yang menunjukkan standard prestasi yang cemerlang dalam pengurusan kaunter.

5.2 Kelayakan

Semua Jabatan ITM layak bertanding

5.3 Pengecualian

Tidak ada pengecualian dalam semua kriteria yang ditetapkan.

5.4 Kriteria Pemilihan

Pemilihan pemenang anugerah ini akan dibuat berdasarkan kepada enam kriteria seperti berikut:

- 5.4.1 Kemudahan pelanggan;
- 5.4.2 Persediaan bagi menerima pelanggan;
- 5.4.3 Amalan-amalan baik staf kaunter;
- 5.4.4 Sokongan pengurusan;
- 5.4.5 Penglibatan pekerja; dan
- 5.4.6 Usaha mengenalpasti keperluan dan ekspektasi pelanggan.

KRITERIA PERTAMA: KEMUDAHAN PELANGGAN

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Papan tanda dan tunjuk arah yang:
 - i. mudah dilihat;
 - ii. tepat dan jelas; dan
 - iii. mempamerkan jenis, tempat dan senarai sesuatu keperluan urusan.
- b) Kaunter pertanyaan yang:
 - i. mudah dikunjungi;
 - ii. dikendali oleh staf yang berpengetahuan; dan
 - iii. dibekalkan dengan borang, panduan dan risalah yang berkaitan.
- c) Tempat menunggu yang mempunyai:
 - i. ruang yang mencukupi;
 - ii. tempat duduk yang mencukupi;
 - iii. tempat duduk yang selesa;
 - iv. kawasan yang bersih;

- v. perhiasan;
- vi. kipas angin atau hawa dingin;
- vii. muzik atau program/rancangan/video/televisyen untuk hiburan/menyampaikan maklumat;
- viii. bahan-bahan bacaan ringan;
- ix. telefon awam; dan
- x. Kemudahan-kemudahan berikut (*di mana sesuai*):

- mesin minuman
- kantin
- tandas awam yang bersih
- mesin penyalin
- tempat ambil gambar
- sistem pembesar suara
- wakil pos

d) Sistem beratur:

- i. barisan teratur;
- ii. tempat beratur yang mencukupi; dan
- iii. sistem beratur yang sesuai iaitu satu barisan untuk banyak kaunter yang memberi perkhidmatan yang sama. Ini adalah untuk memastikan sistem "yang datang dahulu diberi perkhidmatan dahulu" (*first come first serve*) diamalkan.

e) Sistem panggilan:

- i. sistem pemberian nombor giliran yang teratur; dan
- ii. sistem panggilan yang terang dan jelas.

f) Masa menunggu yang munasabah mengikut jenis urusan.

KRITERIA KEDUA: PERSEDIAAN BAGI MENERIMA PELANGGAN

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

a) Tindakan-tindakan yang diambil oleh staf kaunter sebelum memulakan tugas iaitu:

- i. lampu di kaunter dan tempat menunggu dipasang secukupnya;
- ii. tunjuk arah yang mencukupi dan tepat;
- iii. kemudahan untuk pelanggan dalam keadaan baik;
- iv. persekitaran kaunter bersih dan teratur;
- v. lorong berbaris mencukupi;
- vi. semua papan tanda dan papan kenyataan mengandungi maklumat terkini;

- vii. borang untuk diisi oleh pelanggan disediakan secukupnya di tempat mengisi borang dan kaunter pertanyaan;
- viii. mesin-mesin/peralatan dalam keadaan sedia diguna;
- ix. kelengkapan kerja/borang/dokumen yang akan digunakan mencukupi/sedia digunakan;
- x. wang tukar sedia secukupnya;
- xi. staf kaunter berada di kaunter 10 minit sebelum waktu kaunter dibuka;
- xii. staf kaunter berpakaian kemas dan sesuai; dan
- xiii. staf kaunter memakai tanda nama.

KRITERIA KETIGA: AMALAN-AMALAN BAIK STAF KAUNTER

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Cara-cara staf kaunter menyambut dan melayani pelanggan iaitu:
 - i. menerima pelanggan dengan mesra;
 - ii. memberi ucapan selamat sebagai mengalu-alukan kedatangan pelanggan;
 - iii. bercakap dengan sopan dan memandang kepada pelanggan; dan
 - iv. memberi perhatian kepada apa yang dituturkan oleh pelanggan.

- b) Cara-cara staf kaunter memberikan perkhidmatan kepada pelanggan iaitu:
 - i. perkhidmatan diberi dengan cekap;
 - ii. berikan maklumat yang lengkap dan tepat;
 - iii. bersopan melayan urusan pelanggan;
 - iv. sentiasa bersedia menghulur bantuan;
 - v. melayan pelanggan dengan adil/tanpa pilih kasih;
 - vi. bersedia bersabar menerima teguran atau cadangan daripada pelanggan;
 - vii. beritahu pelanggan dengan baik sekiranya mereka melakukan kesilapan;
 - viii. beritahu sebab yang munasabah bila kelewatan tidak dapat dielakkan;
 - ix. maklumkan bila urusan dijangka dapat diselesaikan; dan
 - x. maklumkan kepada penyelia jika berlaku kesesakan di kaunter.

KRITERIA KEEMPAT: SOKONGAN PENGURUSAN

ASPEK-ASPEK UNTUK DILAPOR

- a) Penglibatan pihak pengurusan dalam aktiviti-aktiviti berikut:-
 - i. menggubal strategi perkhidmatan yang mementingkan pelanggan;
 - ii. mengusahakan program-program/kemudahan berikut (di mana sesuai):
 - pejabat mudah dikunjungi
 - sistem Bayaran Bil Setempat
 - sistem Perkhidmatan Setempat
 - perkhidmatan di pejabat cawangan
 - perkhidmatan melalui pejabat bergerak
 - menambah waktu perkhidmatan kaunter
 - mengadakan perkhidmatan tambahan
 - sistem pertanyaan melalui telefon
 - lesen/borang komposit
 - iii. mewujudkan standard prestasi staf;
 - iv. menggunakan standard prestasi untuk pengawasan dan penyeliaan;
 - v. mengusahakan program pengurusan tenaga manusia iaitu:
 - program latihan terancang sebelum penempatan
 - latihan dalaman semasa bertugas
 - program motivasi pekerja
 - sistem komunikasi yang berkesan di antara pihak pengurusan dan staf.
 - bilangan staf yang setanding dengan beban kerja
 - sistem giliran kerja/penempatan pekerja
 - vi. mengusahakan penambahbaikan dalam sistem dan prosedur iaitu:
 - pengurusan rekod
 - borang-borang
 - sistem maklumat pengurusan
 - prosedur kerja
 - peraturan kerja
 - peralatan dan kelengkapan

KRITERIA KELIMA: PENGLIBATAN PEKERJA

